

# PENDIDIKAN KOMUNIKASI DAN MEDIA SOSIAL TERHADAP REMAJA DALAM KELUARGA DI PUTRAJAYA

Izzah Nur Aida bt. Zur Raffar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka  
Email: [izzahnur@uitm.edu.my](mailto:izzahnur@uitm.edu.my)

## Abstrak

Remaja merupakan aset negara yang penting. Namun demikian, pelbagai masalah dan isu keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja masa kini seperti ponteng sekolah, merokok, menagih dadah, buli, mencuri, hamil luar nikah, ketagihan seks dan pornografi perlu diberi solusi berpandukan kaedah pendidikan dalam Islam. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji pendidikan komunikasi dan media sosial yang diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak remaja dalam keluarga di Putrajaya. Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik terhadap 384 responden yang dipilih secara bertujuan dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak remaja di Putrajaya. Manakala, data dianalisis dengan teknik statistik deskriptif menggunakan SPSS versi 22. Hasil kajian mendapatkan antara pendidikan komunikasi dalam media sosial yang dilakukan oleh responden terhadap anak remaja adalah dengan memastikan anak berkomunikasi menggunakan bahasa positif, sopan dan bermoral meskipun dalam media sosial (99.7%), memastikan anak memiliki bahan bacaan yang sibat dan bermanfaat daripada internet (99.2%) dan mendidik anak agar menilai maklumat yang diterima daripada media sosial (96.8%). Implikasi kajian ini dapat membantu ibu bapa memperkuat ilmu kemahiran keibubapaan yang cemerlang seterusnya mengaplikasikannya dalam proses mendidik anak remaja dalam keluarga. Sementara itu, kajian ini turut memberi sumbangan ilmu kepada pihak bertanggungjawab seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan NGO terlibat bagi menguruskan program pembangunan keibubapaan, kekeluargaan dan remaja secara lebih berkesan.

**Kata Kunci:** pendidikan, komunikasi, media sosial, remaja, keluarga

## Abstract

Youth is an important state asset. However, the various problems and issues of moral collapse that apply to today's teenagers, such as schooling, smoking, collecting bills, bulbs, stealing, extramarital pregnancy, sex addiction and pornography need to be given solutions based on the principles of education in Islam. In fact, this study was conducted to examine the communication education and social media applied by mothers and fathers to teenagers in families in Putrajaya. The design of this study is a review study using an instrument of probing questions on 384 respondents who were selected with a purpose among mothers and fathers who have teenage children in Putrajaya. When data were analyzed using descriptive statistical techniques using SPSS version 22. The results of the study found that communication education in social media carried out by respondents to adolescents was to ensure that children communicate using positive, polite and moral language even though on social media (99.7%), ensure children have healthy and useful reading material than the internet (99.2%) and educate children to assess the information they receive rather than social media (96.8%). The implication of this study can help mothers and fathers strengthen the brilliant knowledge of motherhood and then apply it in the process of educating teenagers in the family. Meanwhile, this study also contributes knowledge to responsible parties such as the State Population and Family Development Institute (LPPKN), Community Virtue Position (JKM), Malaysia Islamic Progress Position (JAKIM) and NGOs involved in managing the development program of maternity, kinship and youth in an more memorable.

**Keywords:** education, communication, mass media, youth, family

## PENDAHULUAN

Keluarga dipanggil sebagai *al-usrah* (الأسرة) dalam bahasa Arab. Menurut *Mujam Nuruddin al-Wasit* (2005) mendefinisikan *al-usrah* adalah jama'

kepada أسر وأسرات atau di baca dengan *asara wa asarat* yang membawa maksud ahli dan kerabat yang akrab iaitu isteri dan apa yang sebahagian daripadanya dan juga suami daripada apa

sebahagian daripadanya. Menurut al-'Aqqad (1973), keluarga adalah satu kumpulan kecil yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak daripada mereka berdua. Ia merupakan masyarakat kecil yang mempunyai semua ciri-ciri masyarakat biasa seperti kepelbagaian sifat, perbezaan fungsi individu serta institusi yang mempunyai kepentingan bersama. Keluarga juga dapat difahami sebagai sekumpulan orang yang hidup dalam satu rumah tangga kerana adanya hubungan darah, ikatan perkahwinan, kelahiran, saling berinteraksi antara satu sama lain, mempunyai peranan masing-masing, menciptakan dan mempertahankan suatu budaya serta meningkatkan perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial setiap anggota keluarga (Duvall & Miller, 1986). Pembentukan keluarga hendaklah berdasarkan *husn al-mu'asharah* ataupun *al-mu'asharah bi al-ma'ruf* iaitu pergaulan yang baik dan hidup bersama antara suami isteri serta ahli keluarga dengan redha Allah SWT dan jauh dari kemungkaran dan kemaksiatan (Mahmud Saedon, 1988).

Namun, aspek yang lebih perlu diutamakan dalam konteks kekeluargaan ini adalah fungsi keluarga yang menjadi sekolah pertama bagi membina keperibadian, karakter, nilai, kemahiran dan sikap individu sejak lahir (Paizah, 2007; Fauziah Hanim et al., 1985). Ibu bapa terlibat secara langsung dalam menentukan hala tuju, keharmonian dan kejayaan sesebuah keluarga (Azizi Yahya et al., 2010). Ini kerana anak-anak tidak mempunyai kemampuan untuk menjangka sebab akibat sesuatu yang dilakukan ke atas diri mereka dan tidak tahu membezakan perkara yang membawa manfaat atau sebaliknya. Jiwa anak begitu suci dan bebas daripada sebarang kerosakan serta dilahirkan dengan fitrah mempunyai kesediaan dalam diri untuk menerima kebenaran agama Islam di samping mudah menerima ajaran-ajaran ke arah kebaikan (Abdul Monir, 2007). Oleh yang demikian, ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan asas anak terutama mendidik mereka tentang nilai-nilai kerohanian Islam dan kemasyarakatan, intelektual, kecerdasan emosi dan pelbagai ilmu yang bermanfaat bagi meneruskan kehidupan dengan baik dan membesar menjadi manusia yang cemerlang di dunia mahupun akhirat.

Ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Setiap bayi yang dilahirkan adalah fitrah, maka kedua ibu bapanya yang berperanan menjadikan bayi tersebut membesar sama ada menjadi seorang 'Yahudi', 'Nasrani' atau 'Majusi'*” (Riwayat al-Bukhari). Al-Nawawi (1993) dalam menjelaskan maksud hadith ini menjelaskan bahawa setiap anak-anak yang dilahirkan itu secara fitrahnya adalah cenderung kepada kehendak-kehendak Islam atau tauhid kepada Allah SWT. Maka, pengaruh kedua ibu bapa atau salah seorang daripadanya adalah penting untuk memastikan kecenderungan itu berterusan atau sebaliknya. Al-Ghazali (2000) pula menyatakan bahawa anak adalah seperti sebutir batu permata yang belum digilap. Ibu bapalah yang akan menggilapnya sehingga menjadi cantik dan berkilaunya. Mereka yang akan menentukan sama ada anak-anaknya "menjadi" atau tidak.

Oleh yang demikian, antara kemahiran keibubapaan yang perlu dititiberatkan dalam pembangunan diri anak khususnya remaja adalah dengan memberi tumpuan terhadap aspek sosial. Ini kerana faktor sosial dan budaya atau sosiobudaya merupakan pengaruh penting dalam kehidupan manusia kerana manusia tidak dapat dipisahkan dari mengadakan perhubungan sesama insan. Pendidikan sosial ini bertujuan untuk mendidik anak remaja menjadi individu yang memahami prinsip-prinsip moral berteraskan akidah Islamiah dan asas-asas kemanusiaan yang sejati ketika berhubungan dengan orang di sekeliling (Ismail, 2009). Islam telah menyusun peraturan yang mengarah kepada pembangunan perhubungan sesama insan berdasarkan kehendak kemanusiaan yang perlu kepada kehidupan bersosial dan saling memerlukan antara satu sama lain (Jawiah, 2000). Allah SWT telah menerangkan tentang hubungan yang perlu dijaga antara makhluk dengan penciptanya dan hubungan manusia sesama manusia sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“*Hai kaumku, sembahlah Allah SWT, sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain-Nya. Sesungguhnya telah datang kepadamu bukti yang nyata dari Tuhanmu. Maka sempurnakanlah takaran dan timbangan dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia barang-barang takaran dan timbangannya*” (Quran, 7: 85-86).

Justeru, pembangunan sosial remaja perlu menekankan tentang cara sebenar berinteraksi serta berkomunikasi dengan keluarga dan orang yang berada di sekeliling mereka seperti rakan, jiran, komuniti sesama Muslim dan bukan Islam sama ada secara langsung mahupun tidak langsung menerusi media cetak ataupun media elektronik (Rumaya & Rozumah, 2014). Hal ini disebabkan aktiviti sosial dalam kalangan remaja bukan hanya berlaku di luar rumah sahaja tetapi ia juga wujud dalam dunia maya yang menggunakan teknologi dan media sosial sama ada menerusi *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp*, *Twitter* dan lain-lain (Isfadiyah, 2018). Menurut Nuhidayah & Syarifah Zahrah (2000) & Abd. Hadi (2012), kemudahan teknologi seperti internet, satelit TV, telefon bimbit dan media siber dapat menghubungkan persaudaraan antara satu sama lain dengan lebih cepat walaupun berada di tempat jauh, membekalkan manusia dengan maklumat dan pelbagai ilmu pengetahuan serta peristiwa yang berlaku di negara lain. Selain itu, teknologi komunikasi dan media siber ini berperanan penting dalam memastikan anak remaja memiliki sikap daya saing yang tinggi, kompetensi, dinamik dan berinovasi. Sehubungan itu, pematuhan terhadap garis panduan yang betul perlu ditekankan agar anak remaja terutamanya generasi Z ini dapat memanfaatkan teknologi tanpa mengabaikan nilai moral dan prinsip Islam seperti memelihara adab ketika berkomunikasi sosial, memilih kandungan yang baik, menilai fakta yang benar, penapisan dan pemantauan berterusan (Jamiah et al., 2016).

## METODE

### Pernyataan Masalah

Remaja merupakan aset negara yang penting dan mempunyai potensi besar untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang dengan keupayaan dari sudut mental selain memiliki keadaan fizikal yang baik. Pelbagai harapan diletakkan di bahu remaja agar menjadi individu berguna yang seimbang dari aspek intelek, spiritual, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah SWT seperti digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Sehubungan itu, golongan remaja perlu dibentuk dengan baik agar potensi yang ada dalam diri

mereka dapat direalisasikan demi kemaslahatan masyarakat dan negara (Yahaya & Abd. Hair, 2008). Namun demikian, sejak kebelakangan ini banyak dipaparkan berkenaan kes dan isu gejala sosial yang melibatkan golongan remaja. Perkembangan gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari sama ada disedari atau tidak dengan pelbagai salah laku yang dilakukan oleh remaja bermula daripada kes yang ringan sehingga kes jenayah yang berat dan boleh mengancam nyawa orang lain (Azizi Yahya, 2010). Antaranya seperti ponteng sekolah, merokok, menagih dadah, menyertai kumpulan kongsi gelap, rogol, pelacuran, buli, ragut, merompak, lari dari rumah malah ada rekod menunjukkan mereka juga terlibat dengan kes bunuh (Nurul Ain & Azizi, 2012; Noor Laily, 2007).

Seterusnya, ada dalam kalangan remaja di Malaysia kini mula menerima perlakuan ‘intim’ seperti berpeluk, bercium dan hubungan seks antara pasangan kekasih. Isu ini semakin berkembang dengan pertambahan kes-kes baru seperti kes pelajar perempuan berusia 13 tahun yang menghadapi ketagihan seks sehingga melakukan hampir 20 kali persetubuhan selama dua tahun (Mohamad Fahd, 2018). Selain itu, isu hamil luar nikah bawah umur 18 tahun yang dikaitkan dengan isu pembuangan bayi di dalam lubang tandas, longkang, surau dan lain-lain tempat tanpa ada perasaan kemanusiaan semakin berleluasa menunjukkan keruntuhan moral dalam kalangan remaja kian menular sehingga menggusarkan banyak pihak (Saodah, 2010). Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan sebanyak 79,302 kes remaja perempuan hamil bawah 18 tahun telah dilaporkan dari tahun 2012 hingga 2016 (Harits Asyraf, 2018). Manakala, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkenaan kes pembuangan bayi pula menunjukkan sejumlah 911 kes bayi dibuang dari tahun 2010 hingga Ogos 2018 (Mohd Jamilul, 2019). Meskipun jumlah kes pembuangan bayi berkenaan tidak semuanya dilakukan oleh golongan remaja, namun angka ini cukup menggerunkan sehingga langkah pencegahan perlu dilakukan sejak usia remaja.

Di samping itu, ada juga remaja yang bersikap keterlaluan ketika menggunakan internet, gajet, telefon bimbit, media elektronik serta media

siber sehingga terpengaruh dengan rancangan, lagu-lagu serta bahan bacaan yang berunsur budaya kuning atau ‘soft pornography’ dan nilai-nilai Barat yang bertentangan dengan ajaran Islam (Ahmad Sarji, 2007; Nurhidayah & Syarifah Zahrah, 2000). Kandungan filem atau lagu dari artis luar negara yang berunsur ganas, lucuah dan bertentangan dengan moral ini membawa kepada masalah keruntuhan akhlak apabila para remaja mudah terdorong untuk mencuba aksi-aksi ganas dan adegan-adegan yang berahi yang telah mereka tonton. Ini disebabkan kemajuan yang dicapai dalam dunia tanpa sempadan sepatutnya digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan yang ilmiah telah disalahguna oleh para remaja dengan melihat kepada perkara-perkara yang berunsur negatif serta pornografi sehingga merosakkan moral (Heru Winoto, 2013). Akibatnya, remaja mudah terjerumus dengan budaya barat, dadah, perhubungan seks bebas, vandalisme, melepak, pelacuran, homoseksual, lesbian hingga terjadinya sumbang mahram (Khalim, 2009). Selain itu, kecanggihan teknologi yang membolehkan remaja akses dengan mudah terhadap capaian dan sebaran bahan lucuah menjadi punca peningkatan jumlah remaja hamil luar nikah dan pembuangan bayi (Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, 2010). Menurut Mohd Dahlan & Ida Shafinaz (2010), teknologi dan media sosial juga menjadikan remaja kurang berkomunikasi, membazir masa di media sosial, mengabaikan tanggungjawab, terdedah kepada maklumat dan fakta yang salah, kebocoran maklumat peribadi, terdedah kepada fitnah, penipuan dan buli siber. Abdullah dan Mawaddah (2010) juga menjelaskan penggunaan gajet boleh menyekat perkembangan sosial anak-anak untuk berinteraksi secara bersemuka dengan masyarakat sekeliling serta menjadikan remaja bersikap individualistik.

Jelas, kes-kes yang meruntun hati seperti telah dibincangkan membuktikan segelintir remaja kini sedang mengalami keruntuhan akhlak di mana kehidupan mereka tidak berdasarkan kepada ajaran Islam bahkan mengikut nafsu keseronokan semata-mata. Oleh yang demikian, fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja ini memberikan suatu petunjuk kepada keperluan melihat secara lebih mendalam dalam menyelesaikan kemelut ini dari terus menjadi barah dalam masyarakat Malaysia (Azizi Yahya, 2010). Masalah ini perlu diatasi segera kerana

membawa kesan buruk terhadap individu, keluarga, komuniti bahkan negara. Oleh yang demikian, kemahiran keibubapaan khususnya dalam aspek pendidikan sosial menurut perspektif Islam terhadap anak remaja adalah suatu usaha penting bagi melahirkan ibu bapa yang efektif dalam pendidikan anak-anak. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan bagaimana pendidikan komunikasi dan media sosial yang diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak remaja dalam keluarga di Putrajaya? Seterusnya objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pendidikan komunikasi dan media sosial yang diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak remaja dalam keluarga di Putrajaya.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan terhadap sampel kajian yang dipilih secara bertujuan (*purposive*) dalam kalangan 384 orang ibu bapa yang beragama Islam, mempunyai anak remaja yang berumur antara 10 hingga 19 tahun dan menetap di Putrajaya. Putrajaya dipilih sebagai lokasi kajian ini disebabkan Putrajaya adalah pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia yang menempatkan majoriti ibu bapa bekerja daripada pelbagai negeri di Malaysia. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini bagi pengumpulan data di lokasi ialah borang soal selidik. Kaedah analisis kandungan turut digunakan terhadap jurnal, tesis, buku, akhbar, majalah dan kertas kerja prosiding bagi membolehkan pengkaji mendapatkan input serta data bagi menyokong dapatan kajian. Penganalisisan data terhadap hasil borang soal selidik telah dilakukan menggunakan teknik deskriptif menerusi SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 22. Sebelum kajian sebenar dilakukan, instrumen kajian ini telah dilakukan ujian kebolehpercayaan menerusi kajian rintis dan mencapai nilai  $\alpha_{cronbach}$  yang tinggi iaitu 0.928. Oleh kerana nilai  $\alpha_{cronbach}$  bagi pemboleh ubah melebihi 0.6, maka instrumen kajian mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan baik serta boleh diterima (Sekaran, 2003).

## Tinjauan Literatur

Kajian mengenai kemahiran keibubapaan telah ada dilakukan antaranya yang mengkaji mengenai faktor ekologi kemahiran keibubapaan kepada perkembangan psikologi dan kesejahteraan anak-anak (Reis, Barbera-Stein & Bennet, 1986), hubung kait antara kualiti kemahiran keibubapaan terhadap perkembangan positif anak-anak (Iwaniee & Sneddon 2002), kemahiran keibubapaan yang tidak berfungsi dengan masalah tingkah laku anak-anak (Rhoades & O'Leary, 2007). Sarjana Islam seperti 'Ulwan (1988) telah membincangkan tentang kemahiran keibubapaan dalam bukunya yang bertajuk *Tarbiyah al-Awlad* dengan menggariskan cara pendidikan efektif dan berkesan kepada anak-anak menerusi pendidikan iman, akhlak, jasmani, mental, psikologi, sosial dan seks yang boleh dijadikan sebagai model dan panduan ibu bapa. Rosnaaini et al. (2012) pula mengkaji berkenaan cara kemahiran keibubapaan Lukman kepada anak-anak yang menumpukan kepada tiga aspek utama pendidikan dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Manakala, Fauziah Hanim, Zanariah Nom' & Wahibah Twahir @ H.Tahir (1985) telah mengkaji tentang pembinaan alat ukur amalan keibubapaan muslim berdasarkan pendidikan aqidah, ibadah, sosial, akhlak, emosi, intelektual, pendidikan jasmani/ kesihatan dan seksualiti.

Sementara itu, Jamiah & Sidek (2016) mengkaji tentang kemahiran keibubapaan sebagai asas keberkesanan pendidikan dan pembentukan potensi modal insan dalam keluarga berdasarkan Model Kemahiran Keibubapaan al-Ghazali yang mengandungi empat domain utama iaitu ilmu, hubungan ibu bapa dengan Allah SWT, dengan anak dan sesama manusia. Menurut Mustafa (2004), pendidikan keibubapaan merupakan aspek penting yang perlu dititik-beratkan pada masa kini dalam menjana generasi cemerlang dan negara maju. Manakala dalam kajian lain pula, Azizi Yahya & Mohd Sofie Bahari (2010) mendapatkan bahawa tiga jenis gaya asuhan iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan authoritarian dan gaya asuhan permisif dapat mempengaruhi tingkah laku remaja. Kajian tersebut disokong dengan kajian Zakiyah & Ismail (2004) yang menunjukkan pembabitan anak-anak dalam tingkah laku delinkuens berpunca daripada ikatan

dan kawalan ibu bapa yang lemah. Selain itu, Mohamad Rizuan (2013) mengkaji tentang hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tahap pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Kajian mengenai keibubapaan juga dilakukan oleh Azizi et al. (2010) yang mengkaji berkenaan hubungan antara konsep kendiri, motivasi dan gaya keibubapaan dengan pencapaian pelajar. Manakala, Abd. Razak & Norani (2011) mengkaji konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. Kajian oleh Nooraini & Salasiah (2013) pula berkenaan explorasi hubungan antara personaliti islamik dan pengamalan gaya keibubapaan memberikan kesan terhadap pembentukan personaliti Islamik pelajar.

Sehubungan itu, berdasarkan kajian-kajian yang telah dikemukakan di atas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat banyak kajian yang dilakukan mengenai amalan, gaya asuhan, kualiti kawalan dan peranan ibu bapa dalam mencorak kecemerlangan akademik, tingkah laku, psikologi dan personaliti anak-anak merumuskan bahawa aspek kemahiran keibubapaan amat penting diberi perhatian dalam aspek pendidikan anak-anak. Namun masih kurang kajian yang dilakukan bagi menganalisis pendekatan kemahiran keibubapaan menerusi pendidikan komunikasi dan media sosial terhadap anak remaja menurut Islam secara khusus sebagaimana tujuan kajian ini dilakukan. Justeru, kajian masih perlu dilakukan bagi menganalisis kemahiran keibubapaan terhadap remaja berpandukan pendekatan perspektif Islam yang diharapkan dapat membantu ibu bapa Muslim dalam menguruskan anak remaja dengan baik seterusnya menyumbang kepada pembinaan keluarga sejahtera dan bahagia.

## PEMBAHASAN

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Antara tujuan kajian ini dilakukan bagi mengkaji bagaimana pendidikan komunikasi dan media sosial diterapkan oleh ibu bapa terhadap anak remaja dalam keluarga di Putrajaya. Jadual 1 menunjukkan terdapat lima item dibentuk berdasarkan pendidikan komunikasi dan media sosial menurut panduan Islam. Hasil kajian menunjukkan item yang mendapat nilai min

paling tinggi ialah “Saya memastikan anak saya berkomunikasi menggunakan bahasa positif, sopan dan bermoral meskipun dalam media sosial” ( $\text{min}=3.52$ ), “Saya memastikan anak saya memiliki bahan bacaan yang sihat dan bermanfaat daripada internet” ( $\text{min}=3.45$ ), “Saya mendidik anak saya agar menilai maklumat yang diterima daripada media sosial” ( $\text{min}=3.37$ ) dan item “Saya

sentiasa memantau penggunaan media sosial anak saya (youtube/ Instagram/ Twitter/ WhatsApp/ Facebook)” ( $\text{min}=3.33$ ). Manakala, item “Saya mewujudkan akaun khas di media sosial agar memudahkan pemantauan anak saya di ruang siber” mendapat nilai min paling rendah ( $\text{min}=2.82$ ).

**Jadual 1**  
**Pendidikan Komunikasi dan Media Sosial Terhadap Remaja**

	Penyataan	Peratus (%) & Kekerapan (N)				Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	
1	Saya memastikan anak saya berkomunikasi menggunakan bahasa positif, sopan dan bermoral meskipun dalam media sosial	0% (0)	0.3% (1)	47.1% (181)	52.6% (202)	3.52
2	Saya memastikan anak saya memiliki bahan bacaan yang sihat dan bermanfaat daripada internet	0% (0)	0.8% (3)	53.4% (205)	45.8% (176)	3.45
3	Saya mendidik anak saya agar menilai maklumat yang diterima terutama daripada media sosial	0.3% (1)	2.9% (11)	56.5% (217)	40.4% (155)	3.37
4	Saya sentiasa memantau penggunaan media sosial anak saya (youtube/ Instagram/ Twitter/ WhatsApp/ Facebook)	0.8% (3)	5.2% (20)	54.2% (208)	39.8% (153)	3.33
5	Saya mewujudkan akaun khas di media sosial agar memudahkan pemantauan anak saya di ruang siber	9.1% (35)	22.9% (88)	44.5% (171)	23.4% (90)	2.82

Sumber: Soal Selidik 2019

Dapatan kajian menunjukkan responden memastikan anak mereka berkomunikasi menggunakan bahasa yang positif, sopan dan bermoral meskipun dalam media sosial ( $\text{min}=3.52$ ) mencapai 99.7% (383 orang) ketika bersosial dengan orang di sekeliling mereka. Hal ini selari dengan Ulwan (2015) yang menyebutkan bahawa antara perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa adalah mendidik anak supaya menjaga adab, gaya, dan kaedah bercakap sejak mereka kecil. Apabila mereka mencapai usia remaja dan dewasa, mereka tahu cara bercakap dengan orang lain, cara mendengar pendapat orang lain, cara berbincang

dan menggembirakan orang lain, adab bercakap dengan menggunakan bahasa yang sesuai, tenang, fasih secara semula jadi dan memberi tumpuan penuh kepada orang yang bercakap. Fauzi (2003) juga menyebutkan bahawa ibu bapa berperanan untuk memberikan pengetahuan dan mengajar anak-anak mengenai cara berinteraksi dengan orang lain secara awal. Hal ini disebabkan remaja yang terdidik sebegini akan membesar dalam masyarakat menjadi orang beradab, bersopan, baik budi bicara, mempunyai kesedaran sosial, kematangan berfikir, bertindak dan bergaul dengan bijak, aktif dan mampu berinteraksi dengan baik dan akan lebih responsif pada suatu

masalah, mampu menyelesaikan segala masalah baik sendiri mahupun dalam pasukan serta mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden memastikan anak mereka memiliki bahan bacaan yang sihat dan bermanfaat daripada internet ( $\text{min}=3.45$ ) mencapai 99.2% (381 orang). Ini selari dengan kajian Mohd Dahlan & Ida Shafinas (2010) yang menyatakan bahawa antara bahaya teknologi dan media siber terhadap remaja apabila mereka terdedah kepada bahan-bahan subversif termasuklah tulisan yang bersifat menentang agama. Setakat ini tidak ada negara yang dapat menghalang kemasukan bahan-bahan bersifat subversif ini melalui internet termasuklah Malaysia. Ia disokong oleh Sidek (2010) yang menjelaskan bahawa internet adalah kilang segala sampah-sarap yang boleh meracuni minda pengguna, terutama para remaja. Ada banyak laman-laman web yang mendedahkan bahan-bahan negatif termasuk propaganda mengenai fahaman-fahaman tertentu, penghinaan terhadap agama dan unsur-unsur yang bercanggah dengan budaya kesopanan.

Di samping itu, hasil kajian mendapati responden dalam kalangan ibu bapa membimbang anak remaja mereka tentang cara bersosial menerusi teknologi dan media siber dengan mendidik anak agar menilai maklumat yang diterima daripada media sosial ( $\text{min}=3.37$ ) mencapai 96.8% (372 orang). Dapatan ini disokong oleh Rahmat & Mohd Fadzilah (1997) dan Syed Hassan (2007) yang menjelaskan bahawa maklumat daripada sumber media tidak dapat dipastikan sama ada benar atau tidak. Oleh itu, anak remaja perlu dididik untuk membuat penilaian terhadap maklumat yang mereka baca atau dengar agar tidak terkeliru dalam membuat andaian dan keputusan yang akan merugikan diri sendiri kerana mereka amat mudah terpengaruh dengan desas-desus sekeliling mereka.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan responden dalam kalangan ibu bapa sentiasa memantau penggunaan media sosial anak ( $\text{min}=3.33$ ) mencapai 94% (361 orang). Hal ini disebabkan Jamiah (2016) mendapati terdapat lapan jenis aplikasi media sosial digunakan secara meluas oleh remaja iaitu *Facebook*, *Youtube*, *Twitter*,

*blog*, *Whatsapp*, *WeChat*, *Telegram* dan *Instagram* di mana secara purata tempoh masa yang digunakan oleh remaja dalam sehari adalah menerusi aplikasi *Whatsapp* (4.2 jam), diikuti *WeChat* (2.6 jam), *Facebook* (1.8 jam) dan *Instagram* (1.8 jam). Hindman (2009) juga berpendapat bahawa kebanyakan remaja suka membuat blog peribadi, e-mel, *Facebook*, *Twitter* sebagai suatu bentuk penyertaan dalam bidang politik dan menggunakan aplikasi mesin pencari seperti *google* untuk mencari dan mengumpulkan informasi termasuklah informasi politik, perniagaan serta peluang pekerjaan bukan hanya sebagai media hiburan semata-mata. Di sini, ibu bapa dapat melakukan pemantauan dengan mengawal jumlah masa yang dihabiskan oleh anak mereka untuk menonton filem atas talian, menggunakan telefon bimbit dan menghadkan capaian internet anak-anak agar tidak leka dan asyik dengan teknologi berkenaan.

Menurut Mohd Dahlan & Ida Shafinas (2010), ibu bapa haruslah memantau aktiviti internet anak-anak mereka, bukanlah dengan cara melarang terus daripada menggunakan internet kerana ia telah menjadi keperluan utama masa kini. Proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah juga pada masa kini banyak menggunakan internet dan perlukan kerjasama pemantauan daripada pihak guru. Pemantauan internet boleh dilakukan dengan mengehadkan masa penggunaan ataupun mengehadkan jenis laman web yang boleh dilawati. Ini wajar dilakukan agar anak remaja tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah yang boleh merosakkan moral mereka. Beberapa etika penggunaan internet harus diberikan kepada anak remaja, antaranya menggunakan kemudahan ini untuk melakukan perkara bermanfaat, tidak memasuki sistem maklumat orang lain secara *illegal*, tidak saling memberikan user ID dan *password* kepada orang lain untuk masuk ke dalam sebuah sistem, tidak mengganggu atau merosakkan sistem maklumat orang lain dengan cara apa pun, tidak menggunakan internet dalam melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang dan norma dalam masyarakat serta menggunakan internet secara bijaksana.

Justeru itu, antara langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa bagi pemantauan dalam penggunaan internet khususnya media sosial anak

remaja di ruang siber (*youtube/ Instagram/ Twitter/ WhatsApp*) adalah dengan mewujudkan akaun khas di media sosial bagi memudahkan ibu bapa tahu kegiatan anak di alam siber sebagaimana turut dilakukan oleh responden kajian ini (67.9%, 261 orang). Meskipun demikian, seramai 32% (123 orang) ibu bapa masih tidak berbuat demikian dalam usaha memantau kegiatan siber anak remaja mereka. Perkara ini harus diberi perhatian oleh ibu bapa sebagai langkah berhati-hati disebabkan media sosial kini telah menjadi platform utama bagi kumpulan militan ISIS menyebarkan ideologi mereka. Penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Youtube* merupakan senjata utama bagi kumpulan ISIS menyebarkan ideologi mereka yang berbentuk video, audio, artikel, dan gambar dengan bertujuan untuk mendapat perhatian orang ramai bahawa perjuangan mereka itu adalah benar bagi mewujudkan negara Islam. Kumpulan ISIS menyebarkan ideologi mereka melalui saluran media yang hanya percuma untuk dilayari bagi semua golongan masyarakat. Kumpulan ISIS menyedari bahawa kekuatan menyebarkan ideologi palsu di media sosial sangat berkesan berbanding dengan senjata api. Hal ini kerana, kumpulan ISIS yakin bahawa dengan strategi mereka ini boleh menarik perhatian seluruh rakyat di dunia dan Malaysia untuk mengikuti ideologi mereka terutama golongan muda yang lebih mudah terpengaruh dengan semangat jihad ISIS (Dewan Rakyat Malaysia, 2014). Maka, sewajarnya ibu bapa, guru dan sekolah memainkan peranan secara bersama dalam mengawasi anak-anak atau pelajar ketika melakukan aktiviti siber dalam media sosial. Selain pihak berkuasa, ahli masyarakat turut memainkan peranan dalam memberi maklumat, kesedaran dan juga pengajaran kepada para remaja tentang risiko dan bahaya dunia siber.

## PENUTUP

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, hasil kajian mendapati responden dalam kalangan ibu bapa mengaplikasikan kemahiran keibubapaan menerusi aspek interaksi sosial dengan cara memastikan anak berkomunikasi menggunakan bahasa yang positif, sopan dan bermoral meskipun dalam media sosial, memastikan anak

memiliki bahan bacaan yang sihat dan bermanfaat daripada internet, mendidik anak agar menilai maklumat yang diterima daripada media sosial, memantau anak menggunakan media sosial seperti *youtube, instagram, twitter, whatsapp, facebook* dan mewujudkan akaun khas di media sosial agar memudahkan pemantauan anak di ruang siber. Implikasi kajian ini dapat membantu ibu bapa memperkuuh ilmu kemahiran keibubapaan dalam memberi pendidikan kepada anak remaja khususnya berkaitan interaksi sosial sekaligus mendidik anak-anak tentang akhlak mengikut prinsip Islam. Ini kerana kemahiran keibubapaan yang diketahui dan diamalkan dalam keluarga dapat membimbing keluarga Muslim ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan apabila ibu bapa dan semua anggota keluarga masing-masing memainkan fungsi dan tanggungjawab. Kajian ini turut memberi sumbangan ilmu kepada pihak bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal keibubapaan, belia dan kekeluargaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan badan NGO berkaitan menggunakan dapatan kajian ini menerusi program-program secara berterusan demi pembangunan diri ibu bapa dan modal insan anak remaja.

**DAFTAR PUSTAKA**

- Abd. Hadi, B. (2012). Islam dan Teknologi Komunikasi Maklumat. Dlm. Muhamad Faisal Ashaari & Rosmawati Mohamad (pnyt.). *Ustaz Google*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI UKM.
- Abd. Razak, Z. & Norani, M. S. (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36 (1): 35-44.
- Abdul Monir, Y. (2007). Membentuk Keluarga Menerusi Nilai-Nilai Kekeluargaan Islam. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, S. & Mawaddah, A. (2010). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhuan Akhlak Pelajar*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Sarji, A. H. (2007). Kemahiran Keibubapaan. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- al-'Aqqad, A. M. (1973). *al-Mar'ah fi al-Quran*. Kaherah: Dar al-Islam.
- al-Bukhari, M. I. (1999). *Sahih Bukhari, Kitab al-Janaiz, Bab Ma Qila fi Awladi al-Musyrikin*. Juz 2. Riyard: Dar al-Salam.
- al-Ghazali, A. H. (2000). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Taqwa li al-Thurath.
- al-Nawawi. (1993). *Riyad al-Salihin*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Asom, N. (2005). *Al-Mu'jam Nuruddin al-Wasit*. Maghribi: Dar Al-Thaqafah
- Azizi, Y. & Mohd Sofie, B. (2010). *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y., Yusof, B. & Kamaliah, N. (2010). *Hubungan antara Konsep Kendiri, Motivasi dan Gaya Keibubapaan dengan Pencapaian Pelajar*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y. (2010). *Keluarga dalam Pembentukan Moral*. Skudai: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y., Mohd. Najib, G., Jamaludin, R., Yusof, B. & Adibah, A. A. (2010). *Tinjauan Amalan Keibubapaan dari Perspektif Anak-Anak Keluarga Miskin di Mukim Balang, Muar, Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Dewan Rakyat Malaysia. (2014). *Kertas Putih Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*. Kertas Parlimen 76.
- Duvall, E. M. & Miller, B. C. (1986). *Marriage & Family Development*. New York: Harper & Row Publisher.
- Fauzi, A. M. (2003). Pengaruh Persekutaran Keluarga dan Sekolah Terhadap Penghayatan Islam Pelajar: Kajian Kes Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Serdang. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauziah, H., Zanariah, N. & Wahibah, T. H. (1985). Pembinaan Alat Ukur Amalan Keibubapaan Muslim. *Jurnal Perspektif* 6 (2): 1-14.
- Harits, A. H. (2018). 4,000 Remaja Bawah 18 Tahun Hamil Setahun. *Berita Awani*, 22 Oktober.
- Heru, W. (2013). *Pengaruh Penyalahgunaan Penggunaan Teknologi Komunikasi Anak dan Remaja*. Indonesia: Fakultas Ilmu Pendidikan Universitas Negeri Semarang.
- Hindman, K. Y. (2009). *Cable TV and Internet Deals*. Pakistan: Spectrum Publishing.
- Isfadiah, D. (2018). *Bijak Parenting*. Selangor: Publishing House Sendirian Berhad.

- Ismail, A. (2009). *Kemahiran Keibubapaan*. Slide: 1-10.
- Iwanicee, D. C & Sneddon, H. (2002). The Quality of Parenting of Individuals Who had failed to Thrive as Children. *British Journal of Social Work* 32 (1): 283-298.
- Jamiah, M. & Sidek, B. (2016). Al-Ghazali's Parenting Skills Attributes Model. *Jurnal Hadhari* 8 (1): 113-131.
- Jamiah, M., Mohd Rezal, H., Aizan, S. A., Nurul Nabila, M. I., Fazilah, I., Salasiah, H. H., Noordeyana, T., Arena, C. K., Norul Huda, S., Salina, N., Nor Jana, S. (2016). Penggunaan Dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference On Social And Economic Development (ICSED)*, 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.
- Jawiah, D. (2000). *Islam dan Pembangunan Insan*. Bangi: UKM
- Khalim, Z. (2009). Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum* 9 (1): 43-55.
- Laporan Jabatan Siasatan Jenayah. 2010. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia.
- Mahmud Saedon, O. (1988). Asas Pembentukan Keluarga Bahagia. *Kolokium Kefahaman dan Penghayatan Islam Ke- 8*, Bangi, 17-18 September 1988.
- Mohamad Fahd, R. (2018). Usia 13 Tahun Dah Kemaruk Seks. *Berita Harian*, 5 Ogos.
- Mohamad Rizuan, A. (2013). Hubungan Antara Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tahap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Dahlan & Ida Shafinas. (2010). Jenayah Dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran Dan Realiti Dunia Siber. Tesis Sarjana. Sabah: Sekolah Psikologi & Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Jamilul, A. M. D. (2019). Buang bayi setiap 3 hari. *Harian Metro*, 26 April.
- Mustafa, D. (2004). *Pendidikan Keibubapaan: Satu Penenalan Ringkas*. Kedah: Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Noor Laily, A. B. (2007). Kemahirana Keibubapaan Masa Kini. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Nooraini, O. & Salasiah, K. (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought* 4 (1): 48-57.
- Nurhidayah, M. H. & Syarifah Zahrah, S. M. (2000). Cabaran Wanita Bekerjaya dalam Pembentukan Keluarga Hadhari. *Jurnal CITU* 1 (1): 19-29.
- Nurul Ain, H. & Azizi, Y. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Educational Psychology & Counseling* 5: 30-57.
- Paizah, I. (2007). Keluarga dan Nilai-Nilai Kekeluargaan dalam Islam. Dlm. Azrina Sobian (pnyt.). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Selangor: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Rahmat, I. & Mohd. Fadzilah, K. (1997). *Kemahiran Kekeluargaan: Menjadi Ibu Bapa Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Reis, J., Barbera-Stein, L., & Bennet, S. (1986). Ecological Determinants of Parenting. *Journals of Family Relations* 35 (4): 547-554.
- Rhoades, K. A. & O'Leary, S. G. (2007). Factor Structure and Validity of The Parenting Scale. *Journal of Clinical Adolescent Psychology* 36 (2): 137-146.